

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN : LISAN**
DARIPADA : DATO' SRI DR. JAMALUDDIN BIN MOHD JARJIS
[ROMPIN]
TARIKH : 26 MAC 2014 (RABU)
SOALAN : Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Mohd Jarjis [Rompin]
minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan usaha-usaha pihak Kementerian dalam membendung kenaikan harga barang-barang keperluan seperti ikan dan sayur-sayuran melalui import dari negeri-negeri jiran secara pukal bagi mendapatkan harga yang berpatutan untuk dinikmati oleh rakyat jelata.
- JAWAPAN OLEH : YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui FAMA telah melaksanakan usaha mengimport pelbagai jenis sayur-sayuran terpilih dari beberapa negara yang bertujuan untuk menambah bekalan di pasaran tempatan dan seterusnya menstabilkan harga di pasaran.

Sejak tahun 1995, FAMA telah mengimport kobis bulat daripada Indonesia dan China sebanyak 2,400 tan metrik setahun. Dan seterusnya pada tahun 2009 import kelapa dari Indonesia telah dimulakan pada purata 12,000 tan metrik setahun.

Pada tahun ini, jenis komoditi import telah ditambah dengan membawa masuk pelbagai jenis sayur-sayuran terpilih seperti bawang rose India, bawang besar India, halia, kentang, lobak merah dan cili merah dari China, India, Thailand, Vietnam dan Indonesia. Anggaran kuantiti keseluruhan yang akan diimport oleh FAMA pada tahun 2014 adalah sebanyak 30,000 tan metrik setahun atau bersamaan 2,500 tan metrik setiap bulan mulai Mac 2014.

Sementara itu, dalam usaha menangani masalah kenaikan harga ikan pula, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mengambil beberapa langkah antaranya adalah membina Pasar Nelayan bagi memasarkan ikan segar dengan harga yang berpatutan secara terus dari nelayan kepada pengguna.

Selain itu, Kementerian juga telah memperkenalkan produk Ikan Rakyat yang menjadi alternatif kepada pengguna untuk mendapatkan harga ikan yang lebih rendah yang terdiri daripada 7 spesies ikan iaitu ikan kembung, cencaru, pelaling, selar, selayang, tilapia dan keli dan dijual dengan harga yang berpatutan di antara RM6.00 – RM9.00 sekilogram. Produk ikan rakyat ini merupakan ikan sejuk beku yang dimport dari Thailand, Pakistan, India dan Indonesia. Jumlah import Ikan Rakyat pada tahun 2012 adalah 86,590 MT dengan nilai RM28,702,570.00 dan 97,292 MT pada tahun 2013 dengan nilai RM33,849,938.00.

Selain dari itu, bagi mengawal kenaikan harga ikan, Kementerian telah menguatkuasakan peraturan larangan eksport bagi ikan terpilih seperti ikan rakyat semasa musim-musim perayaan dan juga semasa musim tengkujuh.